



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA
(*Malaysia Department of Insolvency*)
ARAS 2 & 3, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Talian Am : 03-8885 1000
Faks : 03-8885 1303
Laman Web : www.insolvency.gov.my

Ruj. Kami: Mdl/156/005/AM113 Jld. 4
Tarikh : 27 Mei 2019

Timbalan Ketua Pengarah Insolvency
Pengarah Insolvency
Pengarah Insolvency Negeri
Timbalan Pengarah Insolvency
Penolong Kanan Pengarah Insolvency
Penolong Pengarah Insolvency
Pegawai Insolvency

Tuan,

**ADENDUM KE ATAS ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 10/2018 -
PINDAAN ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL 3/2014 BERKENAAN
PENURUNAN KUASA BAGI MENANDATANGANI PERJANJIAN JUAL BELI
SERTA DOKUMEN PINDAHMILIK ASET**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana yang tuan sedia maklum, Arahan Ketua Pengarah Insolvency Bil. 10/2018 ('arahan tersebut') telah dikeluarkan bertujuan untuk memberi penurunan kuasa bagi menandatangani perjanjian jual beli serta dokumen pindahmilik aset milik bankrap, syarikat yang digulungkan, pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya.

3. Oleh kerana terdapat penambahan peruntukan undang-undang yang berkaitan, maka perenggan 3 arahan tersebut dipinda seperti berikut:

"3. Dalam menjalankan kuasa penjualan, Ketua Pengarah Insolvency/Pegawai Penerima boleh memberi kuasa berdasarkan Seksyen 70 Akta Insolvency 1967 kepada mana-mana Pegawai Insolvency dan menubuhkan satu jawatankuasa untuk membantu KPI menjual harta yang ditadbir tersebut selaras dengan Seksyen 2, Seksyen 60(a), Seksyen 70(3) Akta Insolvency 1967 dan Kaedah 264 Kaedah-Kaedah Insolvency 1967, Seksyen 236(2)(d) Akta Syarikat 1965 (Seksyen 486, Jadual 12, Bahagian 1(d) Akta Syarikat 2016), Seksyen 17(1)(e) Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan 42, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 berdasarkan Seksyen 58 Akta Kesatuan Sekerja 1959."

4. Arahan adendum ini berkuatkuasa secara retrospektif bermula dari tarikh Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 10/2018.

5. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ANAS BIN AHMAD ZAKIE)
Ketua Pengarah Insolvensi
Jabatan Insolvensi Malaysia